

LONJAKAN 7: PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG PREMIUM

"Kemudahan penjagaan kesihatan yang mantap sambil disokong oleh doktor berpengalaman serta kakitangan perubatan yang terlatih menjadikan PKU UKM sebagai pilihan utama warga UKM"

*Dr. Mohd Azman Abas
Mantan Pengarah
(Lantikan sehingga 31 Mac 2023)
Pusat Kesihatan Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia*

"Perkembangan perkhidmatan kesihatan yang premium di PKU UKM dapat meningkatkan kualiti kesihatan warga kampus dan komuniti setempat."

*Dr. Masdalina Azhari
Pengarah
Pusat Kesihatan Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia*



Pengurusan dan penyediaan perkhidmatan rawatan primer

kepada warga kampus terutamanya mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia menjadi tujuan utama penubuhan Pusat ini. Semua kategori mahasiswa boleh mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan. Kemudahan kesihatan dan rawatan asas yang disediakan kepada para mahasiswa amat penting bagi membantu mereka mencapai tahap kesihatan fizikal, mental dan sosial yang sempurna bagi memudahkan proses pembelajaran mereka.



SENARAI KANDUNGAN

**RINGKASAN EKSEKUTIF PUSAT
KESIHATAN UNIVERSITI (PKU)**

**STRUKTUR ORGANISASI PUSAT
KESIHATAN UNIVERSITI (PKU)**

PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK PKU

**T.E.R.A.S UKM ASAS PELAN
STRATEGIK PKU**

**STRATEGI 1: PERKEMBANGAN
PERKHIDMATAN PERUBATAN & KESIHATAN**

**STRATEGI 2: TRANSFORMASI FASILITI
FIZIKAL PKU**

**STRATEGI 3: PENJANAAN KEWANGAN
YANG MAPAN**

**STRATEGI 4: PEMANTAPAN MODAL
INSAN**

**PELAN TINDAKAN LONJAKAN PERKHIDMATAN
KESIHATAN YANG PREMIUM**

IMPAK TRANSFORMASI LONJAKAN

KESIMPULAN

RINGKASAN EKSEKUTIF PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI (PKU)

PERANAN

Menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dan pergigian



Melaksanakan program pendidikan dan promosi kesihatan



Mengendalikan kes kecemasan dan wabak



Mengendalikan program saringan kesihatan

MATLAMAT

Mengurus dan menyediakan perkhidmatan rawatan primer kepada warga kampus terutamanya mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia yang berada di Kampus Induk Bangi.




VISI

Menjadi Pusat Kesihatan Universiti terkemuka yang mempromosikan kesihatan, kesejahteraan dan kecemerlangan dalam penjagaan kesihatan

MISI

Menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi, komprehensif dan berpatutan kepada komuniti UKM, disamping mempromosikan kehidupan sihat dan pencegahan penyakit

STRUKTUR ORGANISASI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI (PKU)



RUJUKAN

- MO – PEGAWAI PERUBATAN
- DO – PEGAWAI PERIGIAN
- MA – PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
- PPKP – PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSKERTARAN
- PKA – PEMBANTU KESIHATAN AWAM
- PPK – PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN
- DSA – PEMBANTU PEMBEDAHAN PERIGIAN

PELAKSANAAN

PELAN STRATEGIK PKU

Pelan Strategik Pusat Kesihatan Universiti (PKU) yang mendukung T.E.R.A.S UKM terbahagi kepada 4 strategi utama iaitu Perkembangan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Transformasi Fasiliti Fizikal PKU, Penjanaan Kewangan Yang Mapan dan Pemantapan Modal Insan.

1
Strategi

Perkembangan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan

Inisiatif 1: Membangunkan Pusat Fisioterapi dan menawarkan perkhidmatan kepada warga kampus dan komuniti sekitar.

Inisiatif 2: Menubuh Klinik Pakar PKU yang menawarkan pelbagai kepakaran perubatan dan pembedahan.

Inisiatif 3: Membina Klinik Kesihatan Pekerjaan yang menawarkan kemudahan perubatan dan penjagaan kesihatan kepada pekerja.

Inisiatif 4: Menambahbaik Klinik Perubatan Primer, Klinik Pergigian dan Klinik Kesihatan Mental.

2
Strategi

Transformasi Fasiliti Fizikal PKU

Inisiatif 1: Membangunkan kompleks PKU yang moden, selesa dan berpusat.

Inisiatif 2: Mengenalpasti dan menambah peralatan perubatan moden, seperti Mesin CT scan, Mesin OPG dan Mesin Hemodialisis.

3
Strategi

Penjanaan Kewangan Yang Mapan

Inisiatif 1: Memperkasa usaha penjanaan kewangan yang berterusan melalui perkhidmatan perubatan dan pergigian serta sewaan ruang.

4
Strategi

Pemantapan Modal Insan

Inisiatif 1: Meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui pendidikan berterusan terhadap kakitangan PKU.

Inisiatif 2: Menawarkan pelbagai kursus jangka pendek dan program latihan untuk menyokong pembangunan pengetahuan dalam kalangan warga UKM.

PELAN

STRATEGIK PKU

Menambahbaik Klinik Perubatan Primer, Klinik Pergigian dan Klinik Kesihatan Mental

Penubuhan Pusat Fisioterapi

Penubuhan Klinik Pakar PKU

Penubuhan Klinik Kesihatan Pekerja

1 Strategi
Perkembangan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan

Pembangunan Kompleks PKU Baharu

Peralatan Perubatan

2 Strategi
Transformasi Fasiliti Fizikal PKU



3 Strategi
Penjanaan Kewangan Yang Mapan

Penjanaan Kewangan Berterusan

4 Strategi
Pemantapan Modal Insan

Peningkatan Kualiti Perkhidmatan

Penawaran Kursus dan Latihan Jangka Pendek

T.E.R.A.S UKM

ASAS PELAN STRATEGIK PKU



5
NILAI

5
KEBITARAAN



4
STRATEGI

9
INISIATIF

2
AGENDA UTAMA





STRATEGI 1

PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

Perkembangan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Menawarkan perkhidmatan baharu di PKU seperti perkhidmatan Fisioterapi, Klinik Pakar dan Klinik Kesihatan Pekerja bagi memberikan kemudahan kesihatan yang lebih baik kepada warga UKM dan masyarakat sekitar. PKU juga berhasrat untuk menambahbaik perkhidmatan sedia ada seperti Klinik Perubatan Primer, Klinik Pergigian dan Klinik Kesihatan Mental yang lebih komprehensif dan berteknologi tinggi.



INISIATIF 1

PENUBUHAN PUSAT FISIOTERAPI



PKU akan menawarkan perkhidmatan Fisioterapi bagi warga kampus dan komuniti sekitar Bangi dan menyediakan penjagaan menyeluruh dan individu kepada pesakit yang mengalami pelbagai kecacatan fizikal, kecederaan atau ketidakupayaan.

Perkhidmatan yang ditawarkan meliputi pelbagai rawatan seperti terapi manual, preskripsi senaman, elektroterapi, hidroterapi dan konsultasi serta sesi pendidikan tentang pencegahan kecederaan dan teknik pengurusan diri.

JENIS PERKHIDMATAN FISIOTERAPI YANG DITAWARKAN

- 1 Fisioterapi Ortopedik
- 2 Fisioterapi Neurologi
- 3 Fisioterapi Kardiovaskular dan Pernafasan
- 4 Fisioterapi Pediatrik
- 5 Fisioterapi Geriatrik

"Fisioterapi penting bagi meningkatkan mobiliti, fungsi dan kualiti hidup pesakit dan dilaksanakan oleh ahli fisioterapi PKU yang berkelayakan dan berpengalaman."

Dr. Masdalina Azhari
Pengarah
Pusat Kesihatan Universiti, UKM

INISIATIF 2

PENUBUHAN KLINIK PAKAR PKU

Klinik pakar berasaskan komuniti pesakit luar yang ideal dengan menawarkan pelbagai kepakaran perubatan dan pembedahan untuk memenuhi keperluan pesakit termasuk perubatan dalaman, sakit puan, pediatrik, ortopedik, ENT, oftalmologi dan pembedahan.

"PKU komited dalam menyediakan Perkhidmatan Rundingan Pakar Multidisiplin yang komprehensif."

Dr. Mohd. Azman Abas
Mantan Pengarah
Pusat Kesihatan Universiti, UKM

INISIATIF 3

PENUBUHAN KLINIK KESIHATAN PEKERJAAN

Klinik Kesihatan Pekerjaan yang ideal ialah kemudahan perubatan yang mengkhusus dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada pekerja di tempat kerja. Klinik ini bertujuan untuk mempromosikan dan mengekalkan kesihatan serta kesejahteraan pekerja di sebuah organisasi.

Tindakan Pelaksanaan

01

Penilaian tempat kerja, iaitu potensi risiko kepada kesihatan dan keselamatan pekerja

02

Penilaian kesihatan pekerja

03

Pengawasan perubatan dan kesihatan pekerja yang terdedah kepada persekitaran berisiko

04

Rawatan kecederaan dan penyakit berkaitan kerja



INISIATIF 4

MENAMBAHBAIK KLINIK PERUBATAN PRIMER, KLINIK PERGIGIAN DAN KLINIK KESIHATAN MENTAL

PKU berhasrat menawarkan Klinik Perubatan Primer dan Klinik Pergigian yang ideal dan direka untuk menyediakan penjagaan yang menyeluruh dan berpusatkan pesakit dalam persekitaran yang mesra dan mudah diakses. Pelbagai kaedah rawatan dan terapi kesihatan mental akan diwujudkan untuk dimanfaatkan oleh seluruh warga UKM dan komuniti sekitar.





STRATEGI 2

TRANSFORMASI FASILITI FIZIKAL PKU



Pengurusan Tertinggi Universiti berhasrat untuk membangunkan satu Kompleks Pusat Kesihatan Universiti yang bakal menjadi tumpuan komuniti Bangi dan kawasan sekitarnya. Pembangunan dan reka bentuk bangunan Kompleks PKU ini akan menempatkan pelbagai kemudahan perubatan primer dan pergigian yang komprehensif serta memenuhi keperluan perlesenan yang digariskan oleh Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Kementerian Kesihatan Malaysia.



INISIATIF 1 PEMBANGUNAN KOMPLEKS PKU BAHARU

Inisiatif ini bertujuan untuk membangunkan satu Kompleks PKU Baharu yang menawarkan perkhidmatan perubatan secara komprehensif, termasuk pergigian, haemodialisis, fisioterapi dan juga makmal diagnostik.




Garis Masa Projek





Anggaran kelulusan kasar Kompleks PKU ini adalah sekitar 100,000 kaki persegi yang akan dibangunkan di lot tanah milik UKM, Bangi menerusi inisiatif kewangan swasta.



SECTION Y-Y

INISIATIF 2

PERALATAN PERUBATAN MODEN

PKU merancang untuk mengaplikasikan pelbagai peralatan perubatan yang terkini supaya meningkatkan keberkesanan rawatan dan kualiti kesihatan warga UKM dan komuniti.

Peralatan Terkini



Peralatan fisioterapi yang lengkap dan terkini



Kemudahan pengimejan diagnostik seperti *Mesin CT Scan*



Teknologi pembedahan pergigian termasuk kemudahan *Orthopantomogram (OPG)*




Kemudahan Mesin Hemodialisis yang terkini





STRATEGI 3 PENJANAAN KEWANGAN YANG MAPAN

Pusat Kesihatan Universiti sentiasa berusaha untuk memperkasa penjaan kewangan secara berterusan melalui perkhidmatan perubatan dan pergigian yang ditawarkan, sewaan ruang dan yuran perundingan serta konsultasi. Secara langsung, strategi ini menyumbang kepada salah satu agenda utama universiti, iaitu Penjaan Pendapatan.



INISIATIF 1

PENJANAAN KEWANGAN BERTERUSAN

"Kita akan fokus kepada usaha pencegahan penyakit, pendidikan kesihatan dan intervensi awal melalui program jangkauan dan pendidikan komuniti."

Dr Hamiza Hamidon
Ketua Bahagian Pergigian,
Pusat Kesihatan Universiti, UKM



Perkhidmatan makmal dan radiologi dalaman boleh menjana pendapatan dengan mengenakan bayaran kepada pesakit untuk ujian diagnostik dan perkhidmatan pengimejan.

PERKHIDMATAN MAKMAL DAN RADIOLOGI

PKU boleh menjana pendapatan dengan mengenakan bayaran sewa kepada pakar perunding swasta yang menggunakan ruang untuk menubuhkan klinik pakar mereka.

RUANG SEWAAN

PKU boleh menjana pendapatan dengan menerima bayaran daripada syarikat insurans untuk perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit yang mempunyai insurans kesihatan.

BAYARAN INSURANS

YURAN PERUNDINGAN

Perkhidmatan perubatan dan pergigian yang disediakan di klinik akan menjana pendapatan daripada yuran konsultasi yang dikenakan kepada pesakit yang menerima rawatan.

PROSEDUR DAN RAWATAN

Klinik boleh menjana pendapatan dengan melakukan prosedur dan rawatan seperti pembedahan kecil, prosedur pergigian dan sesi fisioterapi.

PERKHIDMATAN SAMPINGAN

Klinik ini boleh menawarkan perkhidmatan sampingan seperti bekalan perubatan, farmaseutikal dan produk berkaitan penjagaan kesihatan yang lain.



STRATEGI 4

PEMANTAPAN MODAL INSAN

Pusat Kesihatan Universiti sentiasa bersedia untuk memantapkan kemahiran dan perkhidmatan profesional yang ditawarkan oleh kakitangan pusat melalui penglibatan dalam pendidikan berterusan. Selain itu, PKU memberi tumpuan terhadap peningkatan pengetahuan dalam kalangan warga UKM dan komuniti melalui pengendalian pelbagai kursus dan latihan jangka pendek yang berimpak tinggi.



INISIATIF 1

PENINGKATAN KUALITI PERKHIDMATAN

PKU beriltizam dalam memastikan pendidikan berterusan di kalangan warga PKU dilaksanakan bagi mencapai hasrat berikut:

1. Memastikan PKU berkembang selaras dengan amalan dan teknologi perubatan terkini;
2. Memastikan pematuhan kepada peraturan Badan Profesional;
3. Menambahbaik kecekapan dan kualiti perkhidmatan menerusi peningkatan kemahiran dan pengetahuan;
4. Mengoptimumkan produktiviti dan kepuasan kerja melalui latihan dan perkembangan kerjaya profesional.



Jenis Pendidikan Berterusan



Tindakan Pelaksanaan

1

Penilaian keperluan, untuk mengenal pasti keperluan latihan dan pendidikan khusus penyedia penjagaan kesihatan dalam tetapan penjagaan kesihatan berasaskan komuniti.

2

Pembangunan kurikulum komprehensif dan berasaskan bukti yang menangani keperluan latihan dan pendidikan yang dikenal pasti bagi penyedia penjagaan kesihatan.

3

Penilaian program, dan pendidikan untuk memastikan bahawa ia memenuhi keperluan penyedia penjagaan kesihatan dan menghasilkan hasil yang optimum.

4

Perkongsian dan kerjasama, dengan organisasi penjagaan kesihatan, persatuan profesional dan pihak berkepentingan lain untuk mempromosikan latihan dan pendidikan penyedia penjagaan kesihatan dalam tetapan penjagaan kesihatan berasaskan komuniti.

5

Penambahbaikan berterusan, sentiasa memantau dan menilai operasi dan programnya untuk mengenal pasti bidang untuk penambahbaikan dan melaksanakan perubahan untuk meningkatkan kualiti program latihan dan Pendidikan.

PENAWARAN KURSUS DAN LATIHAN JANGKA PENDEK

PKU akan menawarkan pelbagai kursus jangka pendek dan program latihan untuk menyokong pembangunan mahasiswa, kakitangan dan komuniti yang lebih luas. Kursus dan latihan jangka pendek yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:



PELAN TINDAKAN

LONJAKAN PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG PREMIUM

Fasa 1 (2023-2024)

Fasa 2 (2024-2025)

Fasa 3 (2025-2026)

Inisiatif 1: Penubuhan Pusat Fisioterapi

- Membangunkan pelan operasi untuk pelaksanaannya
- Memperoleh peralatan yang diperlukan untuk menyokong perkhidmatan

- Memasarkan perkhidmatan baru ini kepada komuniti UKM dan luar

- Memasarkan perkhidmatan baru ini kepada komuniti UKM dan luar

Inisiatif 2: Penubuhan Klinik Pakar PKU

- Melakukan penilaian keperluan untuk menentukan permintaan bagi perkhidmatan baharu

- Membangunkan pelan operasi untuk pelaksanaannya
- Memperoleh peralatan yang diperlukan untuk menyokong perkhidmatan

- Memasarkan perkhidmatan baru ini kepada komuniti UKM dan luar

Inisiatif 3: Penubuhan Klinik Kesehatan Pekerjaan

- Membangunkan pelan operasi untuk pelaksanaannya
- Merangka keperluan kakitangan tambahan

- Memasarkan perkhidmatan baru ini kepada komuniti UKM dan luar

- Memasarkan perkhidmatan baru ini kepada komuniti UKM dan luar

Inisiatif 4: Menambahbaik Klinik Perubatan Primer, Klinik Pergigian dan Klinik Kesehatan Mental

- Menambahbaik pelan operasi dengan penggunaan peralatan perubatan dan pergigian baharu bagi menyokong perkhidmatan dan penggunaan ubat-ubatan psikiatri

- Menambahbaik pelan operasi dengan penggunaan peralatan perubatan dan pergigian baharu bagi menyokong perkhidmatan dan penggunaan ubat-ubatan psikiatri

- Memasarkan perkhidmatan untuk menarik pesakit baharu

Inisiatif 1: Pembangunan Kompleks PKU Baharu

- Membangunkan pelan terperinci untuk pembinaan kompleks baharu, termasuk reka bentuk, pembiayaan dan jadual pembinaan

- Konsultasi dengan arkitek dan jurutera untuk memastikan bangunan itu memenuhi keperluan pesakit
- Mendapatkan permit dan kelulusan yang diperlukan

- Memulakan pembinaan dan pemantauan kemajuan dengan teliti

Inisiatif 2: KHIDMAT@UKM

- Membangunkan pelan terperinci untuk pembinaan kompleks baharu, termasuk reka bentuk, pembiayaan dan jadual pembinaan

- Konsultasi dengan arkitek dan jurutera untuk memastikan bangunan itu memenuhi keperluan pesakit

- Memulakan pembinaan dan pemantauan kemajuan dengan teliti
- Melakukan perolehan pembelian peralatan

Inisiatif 1: Penjanaan Kewangan Yang Mapan

- Melakukan semakan usaha penjanaan kewangan semasa dan mengenal pasti bidang yang perlu ditingkatkan

- Membangunkan pelan pemasaran untuk meningkatkan kesedaran tentang perkhidmatan PKU dan menarik pesakit baharu

- Membuat perkongsian dengan penyedia atau organisasi penjagaan kesihatan lain untuk memperluas jangkauan PKU

Inisiatif 1: Peningkatan Kualiti Perkhidmatan

- Membangunkan program latihan untuk kakitangan PKU yang meliputi topik yang relevan seperti penjagaan pesakit, kemahiran berkomunikasi, dan teknologi perubatan

- Menilai keberkesanan program latihan dan membuat penyesuaian yang diperlukan

- Memberikan peluang kepada kakitangan untuk menghadiri persidangan dan bengkel untuk kekal relevan dengan perkembangan terkini dalam bidang mereka

Inisiatif 2: Penawaran Kursus dan Latihan Jangka Pendek

- Membangunkan program latihan untuk kakitangan PKU yang meliputi topik yang relevan seperti penjagaan pesakit, kemahiran berkomunikasi, dan teknologi perubatan

- Menilai keberkesanan program latihan dan membuat penyesuaian yang diperlukan

- Memberikan peluang kepada kakitangan untuk menghadiri persidangan dan bengkel untuk kekal relevan dengan perkembangan terkini dalam bidang mereka

Impak Transformasi Lonjakan

ini selari dengan Agenda Utama UKM yang memfokuskan kepada

**Kebolehpasaran
Graduan dan
Penjanaan
Pendapatan.**

Mahasiswa akan..

...mendapat manfaat kemudahan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang terbaik secara sepusat (one stop centre) dengan pelbagai disiplin perkhidmatan.

...merasa selesa dan berpuas hati dengan perkhidmatan kesihatan dan perubatan di fasiliti yang baru, moden dan berteknologi tinggi.

...mempunyai daya produktiviti belajar dan bekerja yang lebih baik asbab daripada mendapat perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang terkini dan maju.

Universiti akan..

...membangunkan infrastruktur dan perkhidmatan inklusif yang prihatin serta mesra pengguna kepada warga UKM dan masyarakat setempat.

...menjana pendapatan melalui perkhidmatan rawatan kepada masyarakat setempat, hasil sewaan ruang dan fasiliti.

...melahirkan kakitangan kesihatan dengan ketinggian ilmu pengetahuan, kompetensi, produktiviti dan berdaya saing dalam memberi perkhidmatan kesihatan dan perubatan.

Pihak Berkepentingan akan...

...mendapat manfaat kolaborasi dan jaringan strategik melalui kepakaran UKM dengan sektor awam dan swasta yang lain.

...bekerjasama dengan UKM membangunkan inisiatif kesihatan dan perubatan berdasarkan keperluan Universiti dan warganya.

...mendapat perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang terkini dan bersifat holistik.

KESIMPULAN

Aspirasi Pusat Kesehatan Universiti adalah menjadi pusat perubatan dan kesihatan primer terkemuka yang menyediakan perkhidmatan perubatan berkualiti tinggi dan menyeluruh, mempromosikan kesihatan masyarakat, dan menyediakan latihan dan pendidikan kesihatan yang terbaik. Demi menerajui Transformasi ini, 4 strategi telah dirangkai, iaitu Perkembangan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Transformasi Fasiliti Fizikal PKU, Penjanaan Kewangan yang Mapan dan Pemantapan Modal Insan. Usaha lonjakan ini akan menyokong 2 agenda utama universiti, iaitu kebolehpasaran graduan dan penjanaan pendapatan.

